

## PERASMIAN HOSPITAL UNIVERSITI KEBANGSAAN

HUKM, Kuala Lumpur

14 Julai 1998

**S**aya ucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan hospital pengajarnya, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) pada hari ini. Ini bukanlah kali pertama saya mengunjungi hospital ini. Dua bulan dulu saya dirawat di sini dan menikmati sendiri kemudahan dan perkhidmatan baik yang disediakan di HUKM. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak terima kasih kepada Profesor-profesor dan Pegawai-Pegawai Perubatan dan Bedah serta juga staf di wad ini yang telah merawat saya dengan begitu sabar dan baik, kepada *caterer* dengan makanan yang lazat dan kepada seluruh kakitangan hospital. Saya tidak akan lupa budi baik mereka. Sekali lagi terima kasih. Saya bersyukur kerana kali ini saya datang ke HUKM bukan sebagai pesakit.

Hari ini kita berkumpul dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana Universiti Kebangsaan Malaysia telah berjaya mendirikan hospital pengajarnya sendiri, setelah 26 tahun berkongsi kemudahan dengan Hospital Besar Kuala Lumpur. Dalam masa itu UKM telah berjaya melatih hampir 3,000 orang doktor am dan lebih 600 orang doktor pakar dalam pelbagai bidang. Kejayaan ini adalah lebih mengagumkan memandangkan ianya dicapai dalam keadaan yang kurang selesa. Maklumlah Hospital Kuala Lumpur (HKL) adalah hospital yang sesak dengan pesakit dan tumpuannya lebih kepada perkhidmatan jagaan. Namun demikian kakitangan HKL dan pakar-pakar Kementerian Kesihatan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyediakan sekitaran yang *conducive*. Hasilnya ialah UKM telah dapat memenuhi matlamat negara untuk menyediakan pengamal-pengamal perubatan dan pakar-pakar untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan bagi rakyat negara ini.

Adalah penting bagi sesebuah Fakulti Perubatan mempunyai hospitalnya sendiri. Tumpuan hospital pengajar adalah kepada tanggungjawab

akademiknya tanpa mengabaikan khidmat kepada pesakit-pesakit. Hospital Kuala Lumpur lebih menumpu kepada perkhidmatan dan rawatan pesakit. Namun kita tidak boleh lupa akan kaitan rapat di antara perkhidmatan pesakit dengan pendidikan dan penyelidikan. Walaupun kadangkala ada percanggahan di antara keutamaan latihan dan penyelidikan dengan jagaan khusus. Juga sebagai hospital yang menumpu kepada perkhidmatan, kemudahan untuk pengajaran dan penyelidikan di HKL kurang memuaskan. Oleh itu memang wajar Kerajaan meluluskan pembinaan sebuah hospital pengajar bagi UKM. Di samping itu Kerajaan ingin melihat pertumbuhan pusat-pusat jagaan perubatan dan kesihatan yang cemerlang dan terkemuka yang dapat berkembang dalam suasana akademik dan bestari.

### Buktikan Kebolehan

Kini UKM mempunyai hospitalnya sendiri, dan boleh mengukir jenis dan corak program yang hendak dilaksanakan. Memang sudah sampai masanya HUKM membuktikan kebolehannya di arena perubatan tempatan dan antarabangsa. Dalam era globalisasi, tidak ada sebabnya HUKM tidak boleh menjadi pelopor dunia dalam membangunkan teknologi baru dan mendalami misteri penyakit melalui penyelidikan asas, klinikal dan epidemiologikal. Adalah menjadi harapan kita yang pesakit dari seluruh dunia akan datang ke HUKM untuk rawatan tertentu yang mungkin menjadi *speciality* HUKM. HUKM sewajarnya dapat memberi sumbangan yang bermakna dalam mengukuhkan sistem jagaan kesihatan dan perubatan di negara ini yang boleh dicontohi oleh seluruh dunia melalui penglibatannya secara aktif dalam menangani masalah kesihatan masyarakat, di samping menerajui kaedah dan pendekatan baru dalam jagaan kesihatan.

Dengan adanya berbagai-bagai pakar dan kemudahan, HUKM mampu bersaing daripada segi jenis perkhidmatan dan pilihan yang diberi, dan yang lebih penting, perkhidmatan itu berlandaskan kualiti dan nilai ditambah, mudah diperolehi, tanpa banyak remeh-temeh dan birokrasi, dengan kos yang rendah atau yang mampu dibayar oleh rakyat biasa. Ini bermakna memberi pesakit atau pelanggannya perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti tinggi tanpa membebankan pesakit dengan kos yang tinggi.

Dalam memberi perkhidmatan, adalah penting kita memberi yang terbaik mungkin, yakni melalui hubungan rapat di antara doktor dan pesakit, memastikan layanan doktor yang baik, jururawatan yang terbaik,

penyelidikan terbaik dan teknologi yang terkini dan bersesuaian. Kita perlu menumpu bukan sahaja kepada rawatan tetapi juga jagaan. Matlamat kesihatan yang kita hendak ialah yang memastikan rakyat sihat, dan bukan semata-mata untuk memberi rawatan selepas jatuh sakit. Strategi inilah yang menyebabkan Malaysia terkenal sebagai negara yang mempunyai belanjawan kesihatan kurang daripada empat peratus KNK tetapi berjaya mempertingkatkan indeks kesihatan seperti kadar kematian ibu, kadar kematian kanak-kanak, sehingga hampir sama dengan paras di negara maju.

Namun demikian kita tidak boleh mendabik dada. HUKM wujud dalam era pembangunan yang amat mencabar. HUKM harus peka dengan arus perkembangan sistem kesihatan di negara kita dan seluruh dunia serta kos kesihatan yang semakin meningkat. Di negara Eropah umpamanya, belanjawan kesihatan merupakan belanjawan kedua tertinggi dalam belanjawan negara masing-masing. Peningkatan kos ini dikaitkan dengan bertambahnya wargatua yang memerlukan rawatan yang lebih mahal, serta *demand* oleh pesakit untuk rawatan berteknologi tinggi dan terkini yang biasanya diberikan oleh hospital-hospital canggih yang memberi perkhidmatan *tertiary*. Hospital berlumba-lumba untuk membeli alat terkini, seperti *CAT scan*, tanpa mengambil kira sama ada kita perlukan satu lagi alat itu atau tidak. Pesakit dipaksa menjalani berbagai-bagai ujian canggih tanpa mengambil kira sama ada perlu atau tidak. Kita harus ingat pesakit juga semakin canggih. Pengetahuan berkenaan ubat-ubatan dan rawatan canggih di kalangan pesakit semakin meningkat dalam zaman maklumat ini. Dengan itu mereka mahu diberi rawatan yang terkini termasuk penggunaan alat-alat yang canggih.

### Dakwa Doktor

Di Barat ada pula tabiat mendakwa doktor dan hospital jika sesuatu berlaku kepada pesakit kerana disyaki kecuaiian atau kesalahan doktor atau hospital. Dakwaan ini dibuat kerana ingin dapat pampasan daripada doktor dan hospital, pampasan yang kadang-kadang berjumlah berjuta-juta dolar.

Sementara ketakutan kepada dakwaan menyebabkan doktor dan hospital lebih berhati-hati dan membuat segala yang diperlukan untuk pesakit, kerap kali dalam percubaan untuk mengelak daripada didakwa kemudian, pemeriksaan canggih yang tidak perlu dibuat sebagai *routine* atau sengaja dibuat supaya tidak dituduh cuai dalam memberi rawatan. Ini menyebabkan kos rawatan menjadi terlalu tinggi sehingga orang yang miskin tidak dapat khidmat yang diperlukan. Perkara ini adalah perkara

biasa di negara maju, pesakit menjadi bankrap kerana rawatan yang terlalu canggih yang begitu tinggi kosnya.

Mungkin negara maju menganggap mereka begitu maju tetapi sebenarnya mereka kurang maju kerana hanya yang kaya sahaja yang mendapat rawatan. Yang miskin sebenarnya merana jika tidak mendapat bantuan Kerajaan atau mempunyai insuran. Kos meningkat bukan sahaja kerana pemeriksaan yang tidak diperlukan tetapi kerana doktor dan hospital terpaksa mengambil insuran dengan premium yang tinggi disebabkan mahkamah suka memberi pampasan yang bukan-bukan.

Alhamdulillah, di Malaysia kita tidak begitu *litigious*. Peguam-peguam kita tidak mengajar pesakit untuk menasihati mereka supaya mendakwa doktor atau hospital di mahkamah untuk mendapat ganti rugi yang besar yang dibahagi antara pesakit dengan peguam. Tetapi kerana tidak adanya risiko ini tidak bermakna doktor dan hospital tidak perlu berhati-hati dan memberi rawatan yang terbaik. Profesyen doktor perubatan bukan sahaja untuk mendapat pendapatan yang besar. Ia adalah satu khidmat kemasyarakatan. Sementara alat yang canggih boleh menentukan *diagnosis* yang lebih tepat dan lebih awal, ia tidak boleh menggantikan layanan secara peribadi yang mesra daripada doktor dan juga kakitangan yang lain di hospital.

#### Kurangkan Minat Doktor

Satu lagi kesan daripada tabiat mendakwa doktor ialah mengurangkan minat doktor untuk memberi khidmat secara sukarela. Dilihat di negara maju kebanyakan doktor mengelak daripada menolong mangsa kemalangan umpamanya kerana takut didakwa di mahkamah kemudian. Mereka menjauhkan diri apabila melihat kemalangan berlaku untuk tidak diminta memberi pertolongan.

Sebenarnya budaya perubatan di banyak negara maju sudah merosot. Doktor tidak lagi memandangkan profesyen mereka sebagai satu khidmat kemasyarakatan tetapi sebagai kegiatan mendapat pendapatan yang setinggi mungkin. Komitmen mereka kepada pesakit terhadap kepada banyak mana bayaran yang akan diperolehi. Layanan peribadi juga dipengaruhi oleh jumlah pendapatan.

Apa yang saya sebut ini bukanlah menyeluruh. Ramai juga daripada doktor-doktor di negara maju yang masih berpegang kepada ikrar Aesculapius, dan masih menganggap kedokteran perubatan sebagai satu

khidmat kemanusiaan. Antara mereka ini ialah kumpulan doktor-doktor Perancis yang menggelar diri mereka dengan nama 'doktor tanpa sempadan'. Mereka ini sengaja memilih tempat-tempat di negara-negara membangun yang menghadapi masalah perubatan, yang mempunyai bahaya dan risiko perang untuk menawar khidmat mereka. Mereka tidak memihak kepada mana-mana pihak, hanya pihak pesakit yang mereka ingin rawat dengan rawatan perubatan moden. Mereka tidak membuat *value judgement* terhadap mangsa yang perlu rawatan daripada mereka. Bagi mereka yang diutamakan ialah khidmat kemanusiaan.

Walaupun mungkin mereka tidak menyertai kumpulan ini secara berkekalan, tetapi untuk jangkamasa yang pendek pun, pengalaman ini tetap akan menyedarkan mereka akan azab sengsara manusia di negara-negara yang tidak bernasib baik. Dan kesedaran ini akan mewarnakan persepsi dunia mereka, menjadikan mereka manusia yang lebih prihatin, membentuk manusia yang lebih bertimbang rasa.

Saya berasa sedih apabila dalam lawatan saya ke fakulti perubatan di luar negeri dan saya berjumpa dengan penuntut-penuntut dari Malaysia, mereka menyoal saya berkenaan dengan tanggagaji doktor yang pada pendapat mereka adalah terlalu rendah. Mereka belum pun tentu boleh mendapat ijazah tetapi sudah memikir tentang gaji. Saya anggap pendapatan adalah penting bagi siapa sahaja tetapi eloklah jika semasa belajar kita tumpukan kepada mendapat kelulusan dahulu sebelum kita memikirkan gaji. Atau jika kita anggap pendapatan begitu penting maka awal-awal lagi kita semak tanggagaji khidmat perubatan dan jika didapati tidak mencukupi kita pilih jurusan lain yang boleh memberi pendapatan yang lebih lumayan.

Kerajaan sedar bahawa tanggagaji semua khidmat Kerajaan tidak seperti swasta. Saya bersyukur kerana ramai juga daripada doktor dan pakar yang memilih untuk terus bekerja dengan Kerajaan walaupun pendapatan tidak sebegitu. Ada juga pakar yang pilih untuk terus bekerja dengan Kerajaan selepas bersara. Gaji kecil tidak menjadi masalah kepada mereka ini. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka. Jika tidak kerana mereka, majoriti doktor Kerajaan akan terdiri daripada orang asing. Demikian juga jururawat yang sekarang ini ramai yang terdiri daripada orang asing. Kita bukan anti orang asing tetapi jika kita terlalu bergantung kepada orang asing kita akan hilang kebebasan kita. Justeru itu adalah penting kita menyumbang masa dan khidmat kita kepada negara. Janganlah kita terlalu utamakan pendapatan yang tinggi sehingga khidmat yang penting untuk

negara sekalipun akan dikuasai oleh orang asing. Tidak ada negara yang maju yang kekal kemajuannya jika ia bergantung kepada *mercenaries*.

Hospital UKM ini memerlukan pelaburan yang besar oleh negara. Peralatan yang disediakan adalah canggih dan *state of the art*. Kerajaan sanggup melabur dengan begitu banyak kerana di sinilah akan dilatih doktor-doktor Malaysia yang akan bertanggungjawab melaksanakan program kesihatan rakyat Malaysia. Kos bagi latihan doktor dan pakar adalah tinggi dan saya yakin mereka yang dilatih di sini akan membalas budi kepada masyarakat yang sanggup berkorban untuk membiayai pelatih.

Saya sedar bahawa di zaman ini budaya membalas budi sudah dianggap lapuk. Kita dapati mereka yang mendapat peluang belajar di universiti tidak segan-segan mengecam pihak yang mewujudkan dan memberi peluang kepada mereka. Tetapi kita akan teruskan juga dengan usaha memberi pengetahuan dan ilmu kepada rakyat Malaysia akan datang. Mudah-mudahan akan ada sebilangan yang masih ingat akan sumbangan masyarakat dan akan membalasnya.

Dengan harapan ini dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.